

NO SOALAN :17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
(SIPITANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana rakyat mendapat manfaat daripada pembatalan cukai barang dan perkhidmatan (GST) ke atas tambahan 60 lagi item makanan berkuatkuasa 1 Julai lepas seperti yang diumumkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), dan apakah prosedur atau kriteria penetapan kadar GST bagi barangan terpilih.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya, penetapan senarai barang dan perkhidmatan yang dikenakan GST pada kadar 6%, pada kadar 0% dan dikecualikan GST telah dibuat berdasarkan kajian yang terperinci dan menyeluruh dengan mengambilkira impak kepada rakyat berdasarkan corak perbelanjaan yang meliputi semua

golongan rakyat, aspek layanan cukai jualan dan cukai perkhidmatan sebelum pelaksanaan GST, sumbangan hasil kepada negara dan pentadbiran GST yang efektif. Kerajaan pada masa kini tiada perancangan untuk mengubah layanan semasa GST ke atas senarai barang dan perkhidmatan yang dikenakan pada kadar 6%, 0% dan dikecualikan. Pindaan ke atas senarai barang pada kadar 0% yang dibuat sebelum ini yang berkuatkuasa mulai 1 April 2017 adalah bertujuan semata-mata untuk diselaraskan dengan perubahan kod tariff *Harmonised System* (HS) 2017 yang telah dilaksanakan melalui Perintah Duti Kastam 2017. Pindaan susulan ke atas Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) (Pindaan) (No.2) 2017 yang diwartakan pada 6 Jun 2017 untuk berkuatkuasa mulai 1 Julai 2017 telahpun dibatalkan pada 21 Jun 2017 dan dengan itu tiada isu berbangkit.